

10/11/1999

Mahathir batal hadir CHOGM

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membatalkan lawatannya ke Afrika Selatan hari ini, sekali gus menguatkan spekulasi bahawa beliau akan membubarkan Parlimen pada bila-bila masa dalam tempoh terdekat ini.

Perdana Menteri dijadualkan berlepas ke Afrika Selatan tengah malam ini bagi menghadiri Mesyuarat Ke-54 Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM), yang bermula Jumaat ini di Durban.

Bernama memetik Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar sebagai berkata, beliau dimaklumkan mengenai keputusan Dr Mahathir membatalkan pemergian itu beberapa jam sebelum kedua-dua mereka dijadual berlepas ke Johannesburg dengan Penerbangan Malaysia (MAS).

Katanya, beliau tidak diberitahu sebab-sebab pembatalan lawatan Perdana Menteri itu dan percaya Dr Mahathir mempunyai beberapa perkara penting dalam negara untuk diuruskan.

Syed Hamid bagaimanapun enggan mengulas sama ada pembatalan lawatan Perdana Menteri itu mempunyai kaitan dengan pilihan raya umum.

Jurucakap Jabatan Perdana Menteri yang sudah berada di Afrika Selatan berkata, beliau tidak tahu sebab pembatalan lawatan Perdana Menteri itu.

Dr Mahathir dijadual berucap di sidang kemuncak bekas negara jajahan British itu pada hari pembukaan sebagai susulan kepada ucapan perasmian Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki.

Sementara itu difahamkan, selain mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet esok, Dr Mahathir dijadualkan menemui semua menteri besar dan ketua menteri dari Barisan Nasional.

Kebiasaannya, sebaik saja Parlimen dibubarkan, menteri-menteri besar dan ketua menteri, kecuali di Sabah dan Sarawak, akan turut membubarkan Dewan Undangan Negeri masing-masing.

Sabah mengadakan pilihan raya Dewan Undangan Negerinya Mac lalu, manakala tempoh Dewan Undangan Negeri Sarawak sekarang dijangka berakhir pada Ogos 2001.

Spekulasi bahawa pilihan raya umum akan diadakan sebelum akhir tahun ini semakin kencang berikutan jadual kerja Dr Mahathir yang ketat bulan ini, selain ketibaan Ramadan, awal Disember depan.

Sejak tahun lalu, pemerhati politik mengandaikan beberapa tarikh pilihan raya umum ke-10 diadakan. Antaranya ialah selepas Sukan Komanwel pada September tahun lalu; sekembali Perdana Menteri dari lawatan ke China Ogos lalu dan selepas Belanjawan 2000 dibentangkan 29 Oktober lalu.

Walaupun pilihan raya umum ke-10 boleh diadakan hingga Jun 2000, ramai percaya ia diadakan tahun ini berikutan pemulihan ekonomi negara sekarang.

Malah, ada pemerhati politik memberikan tarikh kononnya pilihan raya umum diadakan sama ada pada 14 November, 28 November dan 4 Disember ini.

Bagaimanapun jika pembubaran Parlimen diumumkan minggu ini, tarikh 4 Disember ke atas dianggap lebih sesuai.

Walaupun Perlembagaan memperuntukkan pilihan raya umum perlu diadakan dalam tempoh 60 hari selepas Parlimen dibubarkan, dalam beberapa pilihan raya umum sebelum ini, pembuangan undi diadakan dalam tempoh tiga minggu.

Penamaan calon biasanya diadakan selepas seminggu Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dibubarkan, manakala Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan sepuluh hari sebagai tempoh berkempen.

(END)